

PROGRAM PENGUMPULAN SISA BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE) DI DATARAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) TAHUN 2021 PERINGKAT NEGERI MELAKA

23 OKTOBER 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dengan kerjasama pihak pengurusan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah bersama-sama menjayakan Program Anda Kitar Kami Bayar (Trash to Cash).

Aktiviti yang dianjurkan adalah kutipan pelbagai barangan kitar semula dengan jumlah kutipan E-WASTE (1,858.65 kg), fabrik terpakai (4,595 kg), minyak terpakai (1,247.65 kg) secara pandu lalu. Jabatan ini turut mengambil peluang menjayakan pameran alam sekitar dan mempromosikan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS).

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka ingin mengucapkan jutaan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan program ini.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

"Ayuh Kumpul 800 Tan E-Waste"

"E-waste Dikitar, Bumi Terpelihara"